

**TALKING POINT
DATO' PROF. DR. ZUL AZHAR ZAHID JAMAL
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS
SEMPENA PERJUMPAAN MINGGUAN BERSAMA PENGURUSAN TERTINGGI UNIVERSITI
2 MEI 2018
DI KOMPLEKS SUKAN UniMAP, PAUH PUTRA**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

Salam Negaraku Malaysia

Salam Ilmu, Keikhlasan, Kecemerlangan UniMAP

SALUTASI

Rakan-rakan saya, Timbalan - timbalan Naib Canselor UniMAP

Yang Berusaha Pegawai -Pegawai Utama Universiti

Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Seterusnya staf Universiti Malaysia Perlis yang saya kasihi sekalian.

KATA ALU-ALUAN

1. Alhamdulillah, bersyukur kerana masih lagi diberi kesempatan oleh Allah Aza Wajalla untuk berkumpul di pagi yang berbahagia ini untuk mendengar amanat dan berkongsi maklumat terkini mengenai perjalanan universiti dalam Progam Perjumpaan Mingguan Bersama Pengurusan Tertinggi Universiti.
2. Begitu pantas masa berlalu dan kini kita sudah berada di bulan Mei, malah tidak lama lagi bulan Ramadhan juga bakal tiba. Justeru, saya berharap seluruh warga UniMAP sudah bersiap sedia bagi menggandakan pahala di bulan mulia itu.

3. Terima kasih diucapkan kepada semua warga UniMAP yang sanggup memberikan komitmen pada pagi yang indah ini selepas cuti 1 Mei semalam. SELAMAT HARI PEKERJA saya ucapkan.

Hadirin hadirat sekalian,

INFO PSIKOLOGI

TIPS KOMUNIKASI BERKESAN

1. Pada minggu ini , saya akan berkongsi mengenai **Tips Komunikasi Berkesan** yang disediakan Pusat Kaunseling, iKOM.
2. Masalah komunikasi kadangkala menjadi penyebab seseorang sukar untuk menyesuaikan diri dengan suasana baharu misalnya tempat kerja baharu, rakan-rakan sekerja, ketua jabatan dan lain-lain. Masalah komunikasi bukan sahaja memberi kesan kepada kehidupan sehari-hari kita malah jika ia keterlaluan akan menjelaskan pencapaian prestasi dalam kerjaya. Oleh itu, mari kita amalkan beberapa tips agar dapat membantu kita semua untuk berkomunikasi secara berkesan.
3. Tips yang pertama ialah sentiasa berfikiran positif dan terbuka iaitu sentiasa menanamkan sifat bersangka baik terhadap rakan-rakan yang baharu kita kenali kerana mereka akan kita temui setiap hari bekerja. Rakan sekerja ibarat keluarga dengan kita di dalam sesebuah organisasi.
4. Tips yang kedua ialah berusaha mengenali rakan-rakan sekerja seramai yang boleh. Ini kerana dengan mempunyai rakan-rakan yang dikenali, ia dapat membantu memudahkan urusan kerja setiap hari.
5. Ketiga, buang perasaan malu yang tidak bertempat sebaliknya pupuklah keyakinan diri. Kata orang, "malu bertanya sesat jalan". Kadangkala sifat "ekstrovert' amat penting untuk kita memulakan perbualan terlebih dahulu tanpa menunggu orang lain menegur.

6. Seterusnya, belajar menerima orang lain seadanya. “Unconditional positive regards” iaitu menerima tanpa syarat walau ada kelemahan pada orang lain. Sentiasa bersikap rasional, terbuka dan toleransi dengan orang lain.
7. Selain itu, **kawal tingkahlaku semasa berkomunikasi dengan orang lain**. Jangan terlalu berlebih-lebih dalam berkomunikasi, bergurau keterlaluan, nada suara yang terlalu tinggi atau ketawa keterlaluan. Bimbang akan menyentuh sensitiviti orang lain.
8. **Tips seterusnya ialah tingkatkan kemahiran mendengar**. Kekuatan dalam sesebuah hubungan samada hubungan persahabatan, hubungan suami isteri, hubungan dalam organisasi dan lain-lain adalah kemahiran mendengar yang efektif.
9. Dan yang terakhir ialah **Bersikap arsetif (tegas diri) bagi meluahkan pendapat**. Luahkan pendapat secara jujur dan ikhlas tanpa melukakan perasaan orang lain di samping kita juga perlu sentiasa terbuka dan bersedia menerima teguran dari orang lain.
10. Semoga tips-tips ini dapat kita amalkan agar kita sentiasa seronok dalam melakukan tugas kita dan sama-sama dapat meningkatkan pencapaian organisasi kita.

PROGRAM TELAH BERLANGSUNG

Warga UniMAP yang saya kasihi

USR DI SK PUTRA OLEH CGS

11. Pada 25 April lepas telah berlangsung program Tanggungjawab Sosial Universiti USR ‘Menambahbaik Lanskap dan Kelas Program Pendidikan Khas Integrasi Masalah Pembelajaran (PPKIBP) di SK Putra oleh Pusat Pengajian Siswazah.

12. Saya amat menyokong program seperti itu diadakan memandangkan UniMAP juga sebuah institusi pendidikan yang seharusnya memberi fokus terhadap program di landasan yang sama. Selain itu, kita juga dapat mendekatkan diri dengan anak-anak istimewa di samping membantu mereka untuk berjaya sepetimana anak-anak yang lain.
13. Malah, ia turut memberi pendedahan kepada pelajar antarabangsa yang terlibat sekaligus memperkenalkan kepada mereka budaya masyarakat di negara kita. Tahniah kepada CGS dengan kerjasama PALAPES yang berjaya merealisasikan program itu.

Hadirin sekalian,

UniMAP-SME CORP YOUTH ENTREPRENEURIAL ENGAGEMENT 2018

14. Pada 26 April pula telah berlangsung UniMAP-SME Corp Youth Entrepreneurial Engagement 2018 di mana ia berjaya menghimpunkan usahawan-usahawan bagi memberi suntikan semangat kepada pelajar dan staf UniMAP dalam bidang keusahawanan.
15. Tahniah kepada Pusat Pengkomersilan Harta Intelek (CIPC) UniMAP kerana walaupun program itu bukan di bawah bidang CIPC, dengan kekuatan network yang terjalin dengan institusi seperti SME Corp, TEKUN, Mara dan lain-lain lagi yang mendasari keusahawanan di Malaysia menyemarakkan lagi semangat keusahawanan di setiap nadi warga UniMAP. Insya ALLAH.

PESTA KEBUDAYAAN UniMAP 2018

16. Manakala pada 27 April pula berlangsung Program Pesta Kebudayaan UniMAP 2018 di Dewan Ilmu yang dikendalikan sepenuhnya oleh pelajar UniMAP yang terdiri daripada mereka yang dilantik menjadi ahli jawatankuasa

pelaksana Program Pesta Kebudayaan UniMAP 2018 dan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UniMAP.

17. Ia adalah program berbentuk kebudayaan dan sesuai dihadiri oleh semua UniMAP sama ada staf atau pelajar tidak mengira bangsa, agama dan keturunan. Tahniah kepada pelajar pelajar UniMAP di atas inisiatif menganjurkan program berkenaan sekaligus memupuk semangat perpaduan di kalangan pelajar UniMAP yang berbilang bangsa dan agama.

Hadir hadirat sekalian,

ISLAMIC FESTIVAL (iFEST 1.0) 2018

18. Alhamdulillah, pada 27 dan 28 April pula telah berlangsung iFEST 1.0 yang merupakan pengajian pertama Pusat Islam UniMAP dalam usaha memeriahkan konsep budaya ilmu selari dengan UniMAP yang merupakan gedung ilmu.

19. Saya mendapati sambutan amat menggalakkan oleh warga UniMAP dan keluarga menerusi pelbagai aktiviti-aktiviti menarik yang dianjurkan. Harapan saya semoga festival ini dapat diadakan dalam skala lebih besar seperti perkampungan Sunnah yang dianjurkan Jabatan Mufti Negeri Perlis pada masa akan datang.

Hadirin sekalian,

MAJLIS PENYAMPAIAN HADIAH SEMPENA PROGRAM PI MEMORIZATION COMPETITION PERLIS 2018

20. Pada Sabtu lalu, Tuanku Pro Canselor DYTM Tuanku Lailatul Shahreen Akashah Khalil telah berkenan berangkat hadir ke Majlis Penyampaian Hadiah Program Menghafal Digit Pi anjuran Institut Matematik Kejuruteraan (IMK)

menerusi IMK Postgraduate Club dibantu secretariat STEM dengan kerjasama Yayasan Tuanku Syed Putra (YTSP) dan Jabatan Pendidikan Negeri Perlis.

- 21.Untuk makluman semua, inisiatif mempromosikan Hafalan Digit Pi ini dimulakan oleh Dr. Mohamad Nazri Abdul Halif dalam siri ceramah *The Beauty of Physics & Mathematics* yang dilaksanakan oleh beliau secara solo (atas inisiatif peribadi bagi mempromosikan Keindahan Fizik dan Matematik kepada pelajar-pelajar sekolah di seluruh Semenanjung Malaysia).
- 22.Justeru menerusi penganjuran program menghafal digit Pi itu, saya berharap objektif utama iaitu memupuk minat pelajar terhadap Matematik dalam menghargai simbol-simbol Matematik terutamanya Pi yang sering digunakan dalam pengiraan Matematik untuk subjek-subjek Sains , Kejuruteraan dan Teknologi tercapai sekaligus meningkatkan pelajar cemerlang dalam Matematik di masa hadapan.

Hadirin hadirat sekalian,

PROGRAM BAKAL BERLANGSUNG

PERTANDINGAN BUSINESS PITCHING & PENYAMPAIAN ZAKAT SSM

- 23.Pada 3 Mei ini, iaitu esok akan diadakan Program Keusahawanan ‘Business Pitching’ & Majlis Penyampaian Zakat Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM).
- 24.Program ini merupakan program tajaan sepenuhnya SSM dengan kerjasama JHEPA dan dikendalikan sepenuhnya oleh Majlis Perwakilan pelajar (MPP).
- 25.Saya difahamkan antara matlamat penganjuran *Program Business Pitching* ini adalah untuk menjadi satu platform terbaik kepada mahasiswa untuk menyampaikan serta menyalurkan idea keusahawanan di kalangan mahasiswa secara ringkas, padat dan menyakinkan secara langsung di khalayak ramai.

26.Selain itu, SSM turut menyalurkan sumbangan zakat korporat SSM bagi tahun 2017 sebanyak RM30,000. Sumbangan tersebut akan diagihkan kepada 100 pelajar UniMAP dalam Asnaf Fakir dan Miskin berjumlah RM300.00 setiap seorang. Syukur Alhamdulillah.

Hadirin hadirat yang dikasihi sekalian,

KEJOHANAN WOODBAL PIALA TUANKU CANSELOR UniMAP

27.Pada 6 Mei ini akan diadakan Kejohanan Woodball Piala Tuanku Canselor UniMAP yang akan diadakan di sini, Pusat Sukan UniMAP.

28.Difahamkan seramai 136 peserta berdaftar je kejohanan itu. Harapan saya semoga UniMAP mengekalkan kejuaraan tahun lalu bagi kejohanan kali ini.

KARNIVAL BANK RAKYAT-A HEART AUTISMLYMPIC 2018

29.Pada hari yang sama turut diadakan Karnival Bank Rakyat-A Heart Autismlympic 2018 di perkarian Perpustakaan Tuanku Syed Faizuddin Putra mulai jam 9 pagi hingga 5 petang.

30.Sehubungan itu, semua warga UniMAP dan keluarga dialu-alukan untuk datang ke program santai berkenaan kerana terdapat pelbagai aktiviti menarik diadakan.

Hadirin sekalian,

KARNIVAL KERJAYA NICE III

31.Pada 7 dan 8 Mei ini akan berlangsung Karnival Kerjaya Nothern Industrial Career Engagement (NICE) III anjuran Pusat Kerjasama Industri dan Kerajaan (CIGC) dan Jabatan Hal Ehwal Pelajar & Alumni UniMAP.

- 32.Ia merupakan karnival yang diadakan sejak 2015 sebagai platform terbaik kepada bakal graduan seluruh negeri Perlis dan kawasan berdekatan untuk terus menjalani temuduga terbuka di syarikat-syarikat nasional dan multinasional, pemahaman terhadap industry, keusahawanan, pembangunan sahsiah serta kemahiran komunikasi berhadapan dengan saingan alam pekerjaan.
- 33.Di kesempatan ini, saya berharap warga UniMAP dapat menghebahkan mengenai karnival ini kepada sanak saudara mahupun rakan taulan bagi merebut peluang seperti yang saya nyatakan tadi.

PENUTUP

- 34.Saya rasa cukup sahaja sampai di sini ini. Semoga perkongsian pada hari ini memberikan manfaat kepada kita semua. Saya sudahi dengan Wabillahitaufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh.